



SKIM PERKHIDMATAN : PEMANDU KENDERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED : H11
TARAF JAWATAN : KONTRAK (*CONTRACT FOR SERVICE*)
KEMENTERIAN / JABATAN : PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

SYARAT LANTIKAN WAJIB

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED H11:

Kelayakan Masuk : Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Lesen dan Pengalaman

Bidang/Kelayakan Khusus : Pentaksiran Tingkatan 3/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Gaji Permulaan : **Lesen Kelas F/H H11 : RM 1,356.45**
Lesen Kelas G/I H11 : RM 1,402.60

DAN

- Syarat Lantikan Tambahan :
- lesen memandu Kelas D **dan** H/G/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini dan semua jenis jentera pemunggah dalam pelbagai saiz dan kekuatan.
 - Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Syarat Bahasa Melayu : Kepujian di peringkat PT3/PMR

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan traktor pertanian.